

BAB KEDUA

LANDASAN TEORI

2.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan tentang landasan teori yang menjadi asas penyelidikan iaitu membahas tentang profil kabupaten Kerinci yang merangkumi peranan Islam dalam pendidikan, kandungan pendidikan Islam dan klasifikasi ilmu, jenis-jenis pembelajaran, pandangan tentang konsep minat, kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam Islam, masalah dalam pendidikan dan tujuan pendidikan.

2.2 PROFIL KABUPATEN KERINCI

2.2.1 Pemerintahan

Kerinci berasal daripada perkataan “kunci”. Perkataan ini menjelaskan bahawa daerah ini merupakan daerah yang tertutup atau terkunci oleh bukit. Pendapat lain menjelaskan perkataan kerinci berasal dari kata “kering” dan “cair”. Mereka menghubungkan lagenda *Ting Bongkok Rajo* bahawa dataran kerinci dahulunya diibaratkan sebuah danau yang luas yang diapit oleh pergunungan yang sekitar kaki pergunungannya ditutupi oleh paya-paya. Apabila musim kemarau, dataran menjadi kering yang menyebabkan dataran menjadi luas dan pada musim hujan menjadi cair menyebabkan lahan kering menjadi

sempit. Kenyataan ini mereka sebut sebagai kering dan cair, dan apabila digabungkan ia menjadi suku kata kerinci.¹

Daerah Kerinci merupakan daerah yang terpencil dan sukar menerima pengaruh dari luar.² Orang Kerinci menetap di daerah Kabupaten Kerinci, dan mereka merupakan kelompok masyarakat petani terbesar yang menghasilkan pelbagai hasil kebun dan hasil ladang untuk dipasarkan ke luar Jambi.³ Orang Kerinci sebahagian besar mendiami daerah Kabupaten Kerinci. Lingkungan alam Kerinci yang bergunung-gunung dan subur, memungkinkan orang Kerinci menjadi petani, jika dibandingkan dengan orang melayu Jambi. Orang Kerinci merupakan petani-petani yang rajin dan mereka menghasilkan sayur-sayuran, teh, kayu manis, kopi dan cengkeh di luar keperluan mereka dan mereka menjualnya ke luar daerah Kerinci.⁴

Sebelum tahun 1958, Kerinci berstatus kewedanan dalam Kabupaten Pesisir Selatan dan Kerinci (PSK) dalam gabungan provinsi Jambi Sumatera Tengah. Semenjak Sumatera Tengah dipecah menjadi tiga provinsi pada tahun 1958, iaitu Sumatera Barat, Jambi, dan Riau, Kerinci menjadi daerah yang berstatus kabupaten dalam lingkungan Provinsi Jambi, ibu negerinya Sungai Penuh.⁵

Daerah Kerinci diketuai oleh seorang ketua daerah yang dinamakan Bupati. Bupati dibantu oleh Naib Bupati, Penolong, Setiausaha dan Bendahari. Wilayah ini memiliki

¹ Idris Jakpar dan Indra Idris (2001), *Menguak Tabir Prasejarah di Alam Kerinci*, Kerinci: Departemen Kebudayaan, h. 23.

² Mursal Esten dan Amir Hakim (1993), *Struktur Sastra Lisan Kerinci*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 9.

³ Jambi (1992), *Profil Propinsi Republik Indonesia*, Jakarta: PT Intermasa, h. 92.

⁴ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia (1985), *Adat Istiadat Daerah Jambi*, Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, h. 28.

⁵ Mursal Esten Dan Amir Hakim (1993), *op.cit.*, h. 8.

11 wakil bahagian wilayah. Setiap daerah bahagian wilayah ini dipimpin oleh seorang yang digelar Camat atau pemimpin bahagian kecamatan. Setiap kecamatan dipimpin oleh ketua desa bagi setiap desa. Selain kepemimpinan secara kerajaan, masyarakat Kerinci tidak terlepas daripada kepemimpinan adat pemimpin tertinggi yang digelar Ninik Mamak, namun keimpinannya tidak boleh berjalan sendiri tanpa ada *musyawarah* dengan rakan yang lain. Rakan ini disebut sebagai rakan empat iaitu Depati Ninik Mamak, Orang Tua Cerdik Pandai, Alim Ulama dan Hulu Balang.

Depati Ninik Mamak dibahagi dua iaitu Depati Ninik Mamak sebagai ketua pemerintah (eksekutif) dan sebagai hakim (kehakiman). Orang Tua Cerdik Pandai sebagai badan legislative, Alim Ulama sebagai menteri agama, Hulu Balang sebagai pertahanan dan keamanan dan dibantu oleh pemangku iaitu sebagai setiausaha, manakala Pemeti sebagai menteri-menteri.⁶

Kepimpinan dalam Kesatuan Hidup Setempat

Dusun-dusun dalam kabupaten Kerinci sebagai kelompok kesatuan hidup setempat mempunyai pemimpin yang dipanggil ketua dusun. Lapangan kewibawaannya terbahagi beberapa orang yang masing-masing mempunyai kewibawaan yang disokong dengan syarat yang ditentukan oleh adat, seperti diketahui dalam dusun-dusun di daerah ini bersifat teritorial dan geneologis kerana ia dipengaruhi oleh faktor teritorial dan geneologis. Secara teritorial, dusun terbahagi kepada dua atau lebih larik-larik, sedangkan secara geneologis dusun itu terbahagi atas beberapa lurah. Lurah terbahagi

⁶ Iskandar Zakaria (1989), *Tambo Sakti Alam Kerinci 1*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, h. 17.

kepada beberapa keibu dan tiap-tiap keibu terbahagi kepada beberapa kesatuan kecil yang disebut perut. Perut, keibu, dan lurah terdiri daripada mereka yang berasal dari keturunan daerah yang sama yang berdasarkan kepada prinsip matrilineal.

Perut diketuai oleh seorang tengganai. Tugas tengganai ialah mengurus perkahwinan, kenduri, pendirian rumah baru, pembahagian warisan dan menyelesaikan perselisihan yang terjadi. Keputusan dibuat berdasarkan hasil sidang atau kerapatan Tengganai. Kelabu merupakan tingkatan kesatuan geneologis yang berada di atas perut. Kepala dari keibu adalah ninik mamak. Ia memainkan peranan yang lebih penting dari tengganai samada secara adat ataupun pemerintahan dusun. Dalam pemerintahan dusun, ia adalah salah seorang pengurusnya, sedangkan tengganai tidak. Ninik mamak dipilih dari anggota perut dan keibu. Lurah adalah organisasi kemasyarakatan yang bersifat geneologis yang terbesar di dalam sebuah dusun. Lurah dipimpin oleh seorang depati lurah. Kedudukan depati lurah lebih tinggi daripada ninik mamak. Pengangkatan depati pada dasarnya adalah pengangkatan langsung yang diambil dari anggota lurah. Tugas depati adalah menjadi kepala lurah bersama dengan ninik mamak yang mengurus segala yang berhubung dengan pemerintahan yang tersebut di atas. Pendeknya depati lurah adalah merupakan jabatan adat yang tertinggi dalam kesatuan hidup setempat.⁷

2.2.2 Geografi

Kerinci adalah sebuah nama daerah salah satu enam daerah tingkat II dalam lingkungan provinsi Jambi. Nama lengkapnya disebut “kabupaten/daerah tingkat II Kerinci”. Kerinci merupakan suku bangsa ditengah-tengah suku di Indonesia. Ia disebut suku

⁷ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia (1985), *op.cit.*, h. 172-173.

Kerinci. Gunungnya disebut Gunung Kerinci, danau (Tasik) disebut Danau Kerinci, adat istiadatnya disebut adat istiadat Kerinci atau adat sakti alam Kerinci, orangnya disebut orang Kerinci dan gelaran panorama alamnya dan Ibu Negeri kabupaten Kerinci (Sungai Penuh) disebut Kota Sakti Kerinci.⁸

Di provinsi Jambi terdapat sejumlah puncak yang tersebar di seluruh daerah tingkat II, kecuali di daerah Kotamadya Jambi. Puncak-puncak yang cukup tinggi berada di deretan pergunungan Bukit Barisan di wilayah barat provinsi dan ianya termasuk di dalam wilayah Kabupaten Kerinci. Gunung-gunung yang ada di wilayah kabupaten Kerinci adalah Gunung Kerinci.⁹ Danau-danau yang ada di kabupaten Kerinci adalah Danau Kerinci dan Danau Gunung Tujuh.¹⁰

Wilayah Kabupaten Tingkat II Kerinci terletak di bahagian barat provinsi Daerah Tingkat I Jambi dengan keluasan 3847.32 kilometer persegi. Batas-batas wilayahnya, sebelah timur berbatasan dengan Kabupaten Bungo Tebo dan Sarolangun Bangko, sebelah barat dengan provinsi Bengkulu dan provinsi Sumatera Barat, sebelah utara dengan provinsi Sumatera Barat. Manakala sebelah selatan dengan provinsi Bengkulu¹¹ di antara 1 41-2 26 LS dan 1 01 08-101 50 BT dengan posisi membujur dari Sumatera. Dapat digambarkan posisi kabupaten Kerinci yang terletak di perantara tiga provinsi (Sumatera Barat-Bengkulu-Jambi) dengan jarak tempuh antara ibu negeri kabupaten Kerinci (Sungai Penuh) dengan ibu negeri provinsi Sumatera Barat (Padang) adalah 277 km dengan mengambil masa 6 jam, sedangkan jarak ke ibu negeri Jambi

⁸ Temu bual Ismail Yunus, Ketua Kampung Koto Dian pada 12 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Sawahan Koto Dian.

⁹ Jambi (1992), *op.cit.*, h. 28.

¹⁰ Jambi (1992), *op.cit.*, h. 32.

¹¹ Jambi (1992), *op.cit.*, h. 141-142.

adalah 418 km dengan mengambil masa 10 jam dengan kereta. Keluasan kabupaten Kerinci adalah lebih kurang 4200 kilometer persegi.¹²

2.2.3 Sejarah Kemasukan Islam ke Kerinci

Dari segi sejarah, Kerinci merupakan suatu daerah yang sangat unik sama ada dari kedudukan geografinya secara semula jadi yang memiliki kekayaan alam yang dilindungi hinggalah kepada sejarah kebudayaan penghuninya. Menurut para orientalis, penduduk Kerinci merupakan puak yang tertua yang pernah mendiami kuldera Pulau Sumatera.¹³ Pada awal abad ke-20, ia menjadi rebutan dunia barat sehingga daerah Kerinci menjadi bumi bersimbah darah dan menjadi lautan api pada perang kemerdekaan 1901-1903 antara penduduk peribumi dengan penceroboh dari barat iaitu Belanda.¹⁴

Islam memasuki Kerinci melalui pendekatan arkeologi iaitu melalui sejarah dan budaya. Lembah Kerinci dikenali sebagai tempat bermukimnya masyarakat melayu tua yang dipanggil suku Kerinci dan bukti sejarah lainnya adalah masjid Keramat yang merupakan masjid tertua di kabupaten Kerinci.

Suku Kerinci merupakan suku tertua di Provinsi Jambi, bahkan boleh dikatakan salah satu suku bangsa asli yang pertama datang ke Sumatera. Buktinya, wujudnya manusia yang duduk di daerah itu. Dr.A.N.J.th A Yan Derloop menemui artifek dan

¹² Jambi (1992), *op.cit.*, h. 28.

¹³ Fachruddin Saudagar (1992), *Perkembangan Kerajaan Melayu Kuno di Jambi: Kertas Kerja Seminar Sejarah Melayu Kuno, Jambi 7-8 Disember 1992, Anjuran Pemerintah Daerah Tingkat I Jambi*, h. 196.

¹⁴ Tahar Ramli (1999), *Sejarah Masjid Keramat*, Padang: (T.P), h. 6.

oksidion di tepi danau (tasik) Kerinci yang sama dengan alat yang terdapat di Bandung provinsi Jawa Barat (west java yang merupakan inti dari kebudayaan mesolitikum).¹⁵ Selain itu, didapati juga peninggalan megalitik di Bangkok (2-31-32) dan peninggalan dari zaman perunggu, yakni bejana perunggu yang bentuknya seperti januk tetapi langsing.¹⁶

Berdasarkan catatan tambo Kerinci (prasasti Kerinci) bertuliskan incung, dikatakan Islam masuk ke daerah ini sekitar abad ke-13 M. Pembawa Islam pertama ke daerah ini ialah Syeikh Samiullah yang lebih dikenal dengan Siyak Lengin.¹⁷ Pada zaman sebelum masuknya Islam ke Kerinci, nenek moyang orang-orang Kerinci menganut aliran animisme, sepertimana yang dinyatakan oleh Edward B. Taylor, iaitu percaya terhadap roh nenek moyang, hal-hal ghaib dan benda-benda mistik. Di alam Nusantara, kepercayaan ini wujud dalam bentuk kepercayaan kepada penunggu atau puaka yang menghuni sesuatu tempat.¹⁸

Masjid Keramat Pulau Tengah yang berada di Desa Koto Tuo Pulau Tengah merupakan masjid tertua di Kerinci yang berbentuk tapak sembahyang sejak beberapa abad silam. Ia telah mengalami modifikasi secara bertahap yang akhirnya dijadikan sebuah masjid dengan motif dan ornamen khas daerah kerinci.¹⁹

Masjid Keramat dibangun pada tahun 1785 M. Ia merupakan masjid terbesar dan tertua di Kerinci dengan seni bina yang mengagumkan serta mengandungi nilai

¹⁵ Tabran Kahar (1981), *Upacara Tradisional Daur Hidup Daerah Kerinci*. Lap Proyek, h. 43.

¹⁶ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia (1985), *op.cit.*, h. 35.

¹⁷ Amran Rusli (1981), *Sumatera Barat Hingga Plahat Panjang*, Jakarta: Siliwangi, h. 72-73.

¹⁸ Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. i.

¹⁹ Pemda Kerinci (2001), *Adat dan Budaya Daerah Kerinci*: Sungai Penuh: Dinas Kebudayaan, h. 27.

keislaman yang tinggi. Ukuran luasnya adalah 28 x 28 meter persegi yang boleh menampung jemaah seramai 3000 orang. Unik seni terdiri dari gabungan atau panduan seni bina yang berasal dari Jawa dan seni tempatan. Kesan ini jelas dari bentuk atapnya yang tumpang tiga yang melambangkan Islam, Iman dan Ikhsan.²⁰

Masjid Keramat terletak di Desa Koto Tuo Pulau Tengah, Kecamatan Keliling Danau, Kabupaten Kerinci, provinsi Jambi. Tempat dibangunnya Masjid ini terletak sekitar 12 km dari ibu negeri kabupaten Kerinci iaitu Sungai Penuh. Masjid ini diasaskan oleh para ulama yang menjadi pengikut tarekat Samamah iaitu Haji Rahei, Haji Ratih dan seorang juru ukur bernama Tenku Beruke. Merekalah yang merancang seni bina masjid Keramat ini. Seperti juga bangunan-bangunan yang dibina pada zaman dahulu, kontruksi masjid ini didominasi dengan kayu tanpa menggunakan paku.²¹ Masjid keramat ini juga memiliki kubah kecil yang terdapat di bahagian depan yang dijadikan sebagai mihrab. Ciri khas bangunan masjid ini adalah ciri-ciri utama masjid kono di seluruh Nusantara.²²

Masjid ini memiliki 25 tiang yang melambangkan 25 rasul dengan ukuran yang unik pada setiap sudut. Ia ditopang oleh tiang tengah sebagai soko guru. Pada zaman dahulu tiang utama di tengah (pada ketinggian lebih kurang 6 meter) digunakan sebagai tempat azan yang dihubungkan oleh jambatan dari sebelah kiri Masjid. Terdapat tiga tabuh²³ di masjid ini yang memiliki fungsi yang berbeza. Dua tabuh terletak di dalam masjid yang berfungsi sebagai penanda waktu solat (tabuh kecil) dan tabuh yang lain

²⁰ Tahar Ramli (1999), *op.cit.*, h. 1.

²¹ *Ibid.*, h. 8.

²² Yuhanto Sumalyo (2000), *Arkitektur Masjid dan Monumen Sejarah Muslim*, Yogyakarta: Gajah Mada University Press, h. 68.

²³ Tabuh adalah alatgendang besar yang dipukul.

sebagai penanda adanya penduduk yang meninggal dunia. Tabuh yang paling besar (tabuh larangan) terletak di luar masjid. Ia dibunyikan apabila berlaku bencana seperti kebakaran dan lain-lain. Tiangnya yang bermotif tumbuh-tumbuhan menceriakan lagi suasana di dalam masjid. Motif buah-buahan seperti mangga melambangkan kelazatan sebagai hasil bagi para jemaah yang beribadah. Manakala mihrab menyorok ke depan mencontohi mihrab Masjid al-Haram di Mekah.²⁴

Nama masjid ini dikekalkan sebagai masjid Keramat berdasarkan latar belakang beberapa peristiwa besar yang berlaku terhadap bangunan ini. Pada tahun 1936 terjadi kebakaran besar yang membakar semua rumah. Hanya masjid ini sahaja yang tidak terbakar. Pada tahun 1995 terjadi gempa bumi yang berkuatan 7.5 skala richter yang menggoncang bumi Kerinci namun masjid ini tetap berdiri kukuh. Ketika berlaku banjir kerana limpahan Danau Kerinci (tasik) yang berlaku hampir setiap tahun, airnya tidak pernah masuk ke dalam masjid ini. Kejadian inilah yang menjadikan masjid ini disebut masjid Keramat.²⁵

Menurut Tambo Alam Minangkabau, Kerinci merupakan daerah Minangkabau.²⁶ Pengaruh Islam di Pagaruyung berkembang kira-kira pada abad ke-16 melalui para musafir dan guru agama yang singgah atau datang dari Aceh dan Melaka. Salah seorang murid ulama Aceh yang terkenal Syeikh Abdul Rauf Singkil (Tengku

²⁴ Temu bual Abdul Jalil Syaripuddin Nuh, Tokoh Masyarakat dan Tokoh Adat Koto Tuo pada 21 Sep 2009 bertempat di Masjid Koto Tuo Pulau Tengah.

²⁵ Temu bual Jamaliddin Khasim, Tokoh Masyarakat dan Tokoh Adat Koto Tuo pada 22 Sep 2009 bertempat di Jalan Masker RT.1 Koto Tuo Pulau Tengah.

²⁶ Idris Djakfar Depati Agung (2001), *Seri Sejarah Kerinci I: Mengorak Tabir Prasejarah di Alam Kerinci*, c. 1, Kerinci: (T.P), h. 23.

Syah Kuala) iaitu Syeikh Burhanuddin Ulakan adalah ulama yang pertama menyebarkan agama Islam dan beliau dipanggil Peletak Dasar Islam di Minangkabau.²⁷

Dengan masuknya ajaran Islam di Kerinci, maka peraturan adat yang bertentangan dengan ajaran Islam mulai hilang dan perkara pokok dalam adat diganti dengan ajaran Islam. Di Kerinci, Haji Ahmad Faqir berusaha menghapuskan tempat pemujaan dan khurafat yang merupakan pengaruh budaya silam yang berupa upacara ritual kepercayaan masyarakat Kerinci sebelum Islam terutama di Desa Pulau Tengah.²⁸

Berdasarkan penjelasan di atas, jelaslah bahawa Islam masuk ke Kerinci lebih kurang pada pertiga abad ke-16 atau tahun 1785 di mana Kerinci pada ketika itu termasuk kawasan daerah Sumatera Barat dan sekarang Kerinci merupakan daerah provinsi Jambi. Masuknya Islam ke Kerinci adalah dari Minangkabau atau Pagaruyung.²⁹

2.2.4 Sosial Budaya

Orang Kerinci ramai berhijrah terutama kawasan peneroka Rimbo Bujang, Sungai Bahar, Durian Luncut, Merlung, Kuala Tungkal dan lain-lain tempat di kawasan provinsi Jambi. Hampir di seluruh pelosok provinsi Jambi terdapat orang Kerinci baik sebagai pegawai kerajaan, askar, polis atau guru. Perantauan orang Kerinci keluar,

²⁷ Silfia Harun (2006), *Defisi Ajaran dan Pemikiran Ulama dalam Sejarah Islam Minangkabau*: Padang: (T.P), h. 18.

²⁸ Temu bual Kiyai Muhammad Ismail Tengku Dji, Tokoh Masyarakat Dan Tokoh Adat Koto Tuo pada 22 Sep 2009 bertempat di Jalan Masker RT.1 Koto Tuo Pulau Tengah.

²⁹ Tahar Ramli (1999), *op.cit.*, h. 23.

termasuk provinsi yang lain di pulau Sumatera dan Jawa.³⁰ Selain perantauan dalam negeri di Indonesia, perantauan orang Kerinci sampai keluar negara terutama ke Malaysia, seperti di kawasan Sungai Pencala, Nilai, Hulu Langat, Bentong, terutama Kampung Kerinci dan sekitar kawasan Universiti Malaya sebagai Tenaga Kerja Indonesia (TKI) mahupun sebagai penduduk tetap bahkan ada yang menjadi warganegara.³¹ Nama “Kampung Kerinci” ini diambil daripada orang-orang yang membuka kampung ini, iaitu orang-orang melayu yang berketurunan Kerinci. Mereka ini telah berpindah dari kawasan asalnya di Sumatera Tengah dan akhirnya mendirikan sebuah penempatan baru di pinggir barat daya Kuala Lumpur. Peristiwa ini dianggarkan berlaku kira-kira pada tahun 1900 atau lebih awal dari tarikh itu.³²

Peranan Minangkabau di Jambi banyak mempengaruhi kehidupan sosial budaya penduduk Kerinci. Tata hukum dan tata adat yang hidup di Kerinci berasal dari Jambi dan Minangkabau, seperti disebut dalam pepatah adat Kerinci: *undang-undang datang dari Minangkabau bateliti galeh: talitai datang dari Jambi batajek satang* (bergaleh, berbiduk), maksudnya: peraturan-peraturan adat dari Minangkabau, sedangkan peraturan pemerintah datang dari jambi. Penjelasan ini bahawa daerah Kerinci merupakan daerah terisolasi oleh rimba belantara dan pergunungan. Daerah dan masyarakat Kerinci memiliki kebudayaan dan bahasa tersendiri, pengaruh kebudayaan daerah lain berasal dari Jambi, Minangkabau dan Jawa, sedangkan pengaruh lain datang dari kebudayaan Islam.

³⁰ Temu bual Ismail Yunus, *op.cit.*

³¹ Temu bual Ujang Gusli, Penduduk Tetap Malaysia, pada 2 Mac 2011 bertempat di blok F lembah Subang.

³² Wong Khok Seng (1987), *Perselisihan Bahasa di Kampung Kerinci*, Bangi: Percetakan Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 26-27.

Hubungan Kerinci dengan Minangkabau terjadi dalam tiga masa. Pertama, pada masa Kerinci dikuasai oleh para begindo (ketua-ketua desa yang berkuasa penuh di daerahnya sebagai raja-raja kecil) sebelum abad ke-10. Dalam masa itu, beberapa orang terkemuka dari Minangkabau, seperti sultan Maharaja Hakekat keturunan pagaruyung, Indrajati keturunan menghudun di Semanik dan raja-raja kenting, adik minangkabau, Tunku kerajaan Shah Alam menetap di Kerinci. Ketiga-tiga tokoh itu beserta para pengikutnya bermukim dan berkahwin dengan penduduk setempat, masing-masing daerah Tamiai, Hiang, dan Pulau Sangkar. Kedua bersamaan masuknya Islam di Kerinci, penyebar agama Islam datang dari daerah Minangkabau. Mereka terkenal dengan sebutan siak. Terdapat tujuh orang siak yang terkenal pada masa itu, iaitu Siak Jelir di Koto Jelir (siulak), Siak Raji di Sungai Medang, Siak Ali di Koto Beringin (sungai liuk), Siak Lengaik di Koto Penan (Sungai Penuh), Siak Jati di Koto Jelatung (Hiang), Siak Baribut di Koto Merantih (Terutung) dan Siak Ji (Haji di Kemang). Ketiga, sejak termeterai perjanjian damai antara Kerinci-Minangkabau (Indrapura), di bukit Setinjau Laut Pada tahun 1933.

Hubungan Kerinci-Jambi sudah berlangsung pada abad ke-13, pada masa Karta Negara, Raja Singosari mengirim pasukannya ke Jambi, yang terkenal dengan nama Panalayu. Sejak itu, Singosari mengangkat temenggung Depati yang berasal dari Jawa sebagai raja muda di Kerinci dan Jambi Hulu. Ia datang ke Kerinci untuk menjalankan tugas yang diserahkan oleh raja Jambi untuk menyelidiki dan mengadakan hubungan persahabatan dengan Kerinci dan mengusahakan agar tunduk kepada raja Jambi.³³

³³ Mursal Esten dan Amir Hakim (1993), *op. cit.*, h.10-11.

2.2.5 Bahasa dan Kesenian Kerinci

Bahasa orang melayu Jambi adalah bahasa melayu yang dipakai oleh masyarakat yang tersebar di daerah kota Madya Jambi, Tanjung Jabung, Batang Hari, Bungo Tebo dan Sarolangun Bangko. Masyarakat di daerah Kerinci tidak memakai bahasa melayu Jambi kerana mereka memakai bahasa Kerinci.³⁴ Orang-orang Kerinci yang mendiami daerah kabupaten Kerinci menggunakan bahasa Kerinci. Bahasa Kerinci mempunyai pelbagai dialek. Setiap dusun atau kampung mempunyai dialek tersendiri yang berbeza dengan dialek dusun atau kampung lain. Secara umumnya, perubahan bunyi dalam bahasa Kerinci terletak pada suku akhir.³⁵

Kunaung merupakan suatu bentuk kesenian yang disenangi masyarakat, kerana lagu-lagunya dan isi ceritanya. Berkunaung (menyampaikan cerita) biasanya dilakukan pada malam hari. Ada kunaung yang begitu panjang, sehingga terpaksa disampaikan selama tujuh malam.³⁶ Kunaung dalam bahasa Indonesia bererti kisah-kisah lama yang diceritakan turun temurun dan disebut sebagai cerita rakyat.³⁷

Kunaung masih ada sehingga sekarang. Kunaung sekarang tidak lagi di ceritakan sepertimana zaman dahulu dilakukan iaitu sambil menunggu kebun dan sawah pada malam hari tetapi juga dibacakan sebagai cerita sebelum tidur bagi kanak-kanak. Zaman sekarang kunaung tidak banyak lagi diketahui sehingga kanak-kanak sekarang

³⁴ Aripudin dan Akhyaruddin (2000). *Struktur Nomina Bahasa Jambi*, Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional, h. 1.

³⁵ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1985), *op. cit.*, h. 38 - 41.

³⁶ Mursal Esten dan Amir Hakim (1993), *op. cit.*, h. 13.

³⁷ Iskandar Zakaria (1981), *Kunaung (Kumpulan Cerita Rakyat Kerinci)*, Jakarta: Balai Pustaka, h. 17.

mendengar kunaung dengan kunaung yang terpotong-potong dan ditokok tambah dari cerita asalnya.³⁸

Kunaung yang masih lagi diceritakan oleh ibubapa seperti cerita batu belah yang berasal dari desa Pulau Tengah yang sering diceritakan menjadi beberapa bahagian cerita merupakan sebahagian kunaung dari Kerinci. Kunaung batu belah mengisahkan antara dua beradik dan bapanya yang bekerja sebagai nelayan di Danau Kerinci. Cerita ini memberi suatu pengajaran agar tidak mencela orang lain.

2.3 KEDUDUKAN PENDIDIKAN DALAM ISLAM

Falsafah pendidikan ialah satu aktiviti idea yang sistematik yang menggunakan falsafah sebagai alat untuk mengorganisasi, menyusun dan mengubahsuai operasi pendidikan. Dengan demikian, ilmu falsafah yang formal, falsafah pendidikan dan pengalaman manusia adalah saling melengkapi. Al-Shaibani mentakrifkan bahawa falsafah pendidikan Islam ialah usaha pelaksanaan teori dan metode falsafah dibidang pengalaman manusia yang disebut pendidikan. Oleh itu, falsafah pendidikan berfungsi menilai pendidikan, menyelaraskan dan menganalisa permasalahan dan isunya dalam kehidupan.³⁹

Islam sangat mementingkan pendidikan. Hal ini dapat dilihat dari segi kedudukan ilmu pengetahuan dalam Islam dan kedudukan akal dalam Islam. Islam

³⁸ Temu bual Maluddin Suhaimi A.S Masyarakat Desa Koto Dian pada 12 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Surya Pagi.

³⁹ Sobri Salamon dan Harondin (1987), *Masalah Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: AR-RAHMANIAH (Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia), h. 2.

sangat memandang tinggi ilmu pengetahuan kerana dengan ilmu pengetahuan suatu bangsa dan umat akan maju. Oleh kerana Islam adalah agama yang sempurna maka Islam meletakkan ilmu pengetahuan kepada tempat yang tinggi. Hal ini terbukti dengan turunnya ayat pertama menyuruh kita membaca. Kita boleh mendapat banyak ilmu pengetahuan dengan membaca.

Al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. banyak menjelaskan tentang ilmu pengetahuan dan orang yang berilmu. Firman Allah s.w.t:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat.

Surah al-Mujādilah (58): 11

Nabi s.a.w pernah bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya: Mempelajari ilmu pengetahuan itu wajib ke atas setiap muslim.⁴⁰

اطْلُبُوا الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصِّينِ

Maksudnya: Tuntutlah ilmu pengetahuan walaupun di negeri China⁴¹

Islam sangat menghargai akal. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan manusia menggunakan akal. Firman Allah SWT:

⁴⁰ Lihat Sunan Ibn Mājah, no. hadith 225. Lihat juga Majma' al-Zawā'id li al-Haithami, no. hadith 323, h. 472.

⁴¹ Lihat al-Fawā'id al-Majmū'ah li al-Syawkāni, no. hadith 850.

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ ۗ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ
 أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلَّ هُمْ أَضْلُ ۗ أُولَٰئِكَ
 هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

Makdusnya: *Dan sesungguhnya kami jadikan untuk (isi) neraka jahannam kebanyakan Jin dan Manusia. Mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakan untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak menggunakan untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah) mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakan untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternakan. Bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.*

Surah al-A‘rāf (7): 179

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۗ اِنَّ فِيْ ذٰلِكَ لٰآيٰتٍ لِّقَوْمٍ
 يَّتَفَكَّرُوْنَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: *Dan dia Telah menundukkan untukmu apa yang di langit dan apa yang di bumi semuanya, (sebagai rahmat) daripada-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berfikir.*

Surah Al-Jāsiyah (45): 13

أَفَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: *Maka tidakkah mereka memikirkan?*

Surah Yāsīn (36): 68

كَذٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيٰتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُوْنَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: *Demikianlah kami menjelaskan ayat-ayat bagi kaum yang berakal.*

surah al-Rūm (30): 28

Oleh kerana itu, pengetahuan itu tidak dapat diperolehi kecuali dengan pengajaran kerana pengajaran adalah alat pendidikan dan akal fikiran itu dapat

berfungsi apabila dilatih melalui pendidikan dan pengajaran. Kesimpulannya, pendidikan menduduki tempat yang paling penting dalam Islam.⁴²

Adapun proses terpenting yang membentuk pandangan Islam terhadap pendidikan adalah; pertama, generasi muda haruslah dididik menyembah Allah, mengikut perintah-perintahnya, menunaikan ibadatnya dan berpegang teguh dengan segala tuntutananya sepanjang hidup. Kedua, generasi muda harus dididik hidup dalam masyarakat yang sihat mengakui prinsip persaudaraan, kerjasama, persamaan yang tegak di atas hak dan kewajiban dalam rangka jaminan sosial. Ketiga, generasi muda harus dididik menggunakan akal. Penggunaan akal adalah dasar pokok perintah menjalankan syariat dan memikul amanah, kerana perintah menjalankan syariat adalah berdasarkan kepada kebebasan dan ikhtiar dengan petunjuk akal dan hati nurani. Keempat, generasi baru haruslah dididik bersifat terbuka kepada orang lain dan menjauhi sifat menyendiri dan tidak berlebihan menonjolkan dirinya, kerana peradaban Islam dibina di atas dialog yang membina prinsip memberi dan mengambil. Kelima, generasi baru harus dididik menggunakan pemikiran ilmiah dan menggunakan pencapaiannya itu dalam perencanaan dan penyelidikan.⁴³

2.4 PERANAN ISLAM DALAM DUNIA PENDIDIKAN

Peranan Islam dalam bidang pendidikan sekurang-kurangnya terdapat dua faktor iaitu;

- i. Islam telah menempuh suatu sejarah yang gemilang dalam peradaban manusia.

⁴² Abdul Halim Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h. 27.

⁴³ Hasan Langgulung (1991), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21*, Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd., h. 116.

- ii. Dari kalangan umat Islam, lahirnya tokoh-tokoh dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan.

Zaman keemasan Islam yang pertama, Kota Baghdad merupakan pusat peradaban Islam di timur dan juga sebagai pusat pemerintahan bagi Daulah Abbasiyah. Kota Cordova di barat sebagai pusat pemerintahan Daulah Bani Umayyah yang dipimpin oleh Abdurrahman III, putera Mu'awiyah.

Zaman keemasan ini menonjolkan kemajuan umat Islam dalam pendidikan dan ilmu pengetahuan, bukan sahaja dibidang ilmu agama tetapi juga ilmu Aqliyah (ada yang menyebut ilmu dunia) seperti ilmu falsafah, geometri, astronomi, kedokteran, kimia dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa peranan umat Islam dalam dunia pendidikan amat besar. Hal ini disebabkan oleh kesempurnaan ajaran Islam, termasuk juga ajaran-ajarannya tentang pendidikan. Di samping terdapat kemajuan dalam bidang kebendaan, terdapat juga kemajuan dalam lapangan pendidikan iaitu dengan berdirinya pusat-pusat pendidikan dan munculnya tokoh-tokoh dalam pendidikan dan ilmu pengetahuan seperti Ibnu Sina, Ibnu Khaldūn, al-Farābi, Ibnu Maskawaih, Ibnu Rusyd, Ibnu Arabi, Ibnu Bajjah, al-Khawārizmi, al-Zarnuji, Ibnu Abd al-Bar, dan lain-lain.⁴⁴

Bangsa Melayu Muslim adalah satu bangsa yang tamadunnya dibina oleh asas-asas pemikiran Islam. Ini tidak dapat dinafikan dan telah menjadi kenyataan dalam masyarakat melayu. Di antara kesannya adalah apabila Melayu diidentifikasi dengan

⁴⁴ Abdul Halim Mat Diah (1989), *op.cit.*, h. 31.

Islam, termasuk perlembagaan, ketua negara, nama-nama negeri, seterusnya cara hidup bangsa melayu seperti pakaian, tutur bahasa dan nilai-nilai hidup berteraskan nilai-nilai Islam.⁴⁵

2.5 KANDUNGAN PENDIDIKAN ISLAM DAN KLASIFIKASI ILMU

Ahli falsafah Islam telah membahagi ilmu pengetahuan kepada beberapa kategori. Ia bergantung kepada beberapa aspek dan pertimbangan yang menjadi dasar pandangan mereka seperti sifat naluri dan pengalaman, berdasarkan ciri-ciri umum dan khusus, kesederhanaan dan kompleks, berdasar punca dan memperolehinya dan beberapa pertimbangan lain.

Semua ahli falsafah Islam bersetuju bahawa pengetahuan yang tertinggi dan mulia adalah pengetahuan terhadap Allah s.w.t diikuti dengan pengetahuan tentang perkara-perkara aqidah seperti rukun iman, pengetahuan tentang halal dan haram, hukum syariah Islam, kemudian barulah ilmu tentang realiti alam sejagat, kehidupan dan masyarakat.

2.5.1 Klasifikasi Ilmu Menurut Pendapat Hasan Langgulung

Klasifikasi bermaksud membahagi-bahagikan ilmu daripada pangkalnya kepada cabang-cabangnya. Ilmu di sini bermaksud pengetahuan. Perkataan ilmu dalam bahasa Arab berasal dari kata kerja '*alima* yang beerti *mengetahui*. Perkataan ilmu merupakan *masdar* atau kata terbitan yang bermaksud pengetahuan. Manakala perkataan '*ālim*

⁴⁵ Abdul Halim El-Muhammadi (1991), *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, h. 19.

bermaksud yang tahu atau subjek, dan yang menjadi objek disebut *ma'lum* atau yang diketahui.

Klasifikasi ilmu ialah usaha segolongan ahli ilmu untuk menggabungkan berbagai-bagai cabang ilmu pengetahuan ke dalam kelompok-kelompok tertentu supaya mudah difahami. Otak manusia selalu mencari yang mudah dicerna, mudah diingat, mudah dibayangkan, maka digabungkanlah fenomena-fenomena yang berarena ragam ke dalam kelompok yang lebih sederhana, semakin kecil jumlah kelompok itu semakin baik, kerana mudah dicerna oleh otak manusia.

Dalam mukadimah rekomendasi-rekomendasi Persidangan Dunia Pertama Tentang Pendidikan Islam di buat klasifikasi ilmu sebagai berikut:

- i. Ilmu abadi (*perennial knowledge*) yang berdasarkan wahyu Ilahi yang tertera dalam al-Quran dan Hadis dan segala yang dapat diambil daripada keduanya dengan menekankan bahasa Arab sebagai anak kunci untuk memahami kedua-duanya.
- ii. Ilmu dicari (*acquired knowledge*) termasuk sains tabi'i dan terapan yang dapat berkembang secara kuantitatif dan penggandaan, variasi terbatas dan pinjaman antara budaya selama tidak bertentangan dengan syariat sebagai sumber nilai.⁴⁶

⁴⁶ Hasan Langgulung (1991), *Asas-asas Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 366.

Konsep ilmu dan pembahagian dalam Islam menurut pendapat Prof. Madya Dr. Abdul Halim El-Muhammady, bahawa Ilmu adalah satu pemberian Allah kepada hambanya dalam keadaan yang terhad, agar dipergunakan ilmu itu untuk panduan dan penyusunan hidup bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Dalam Islam, ilmu itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu ilmu Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah.

Ilmu Fardu 'Ain adalah ilmu yang diwajibkan ke atas setiap muslim yang akil baligh untuk mempelajari dan mengamalkannya. Ilmu-ilmu yang diwajibkan itu adalah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan aqidah, syariah dan akhlak, iaitu ilmu yang berkaitan dengan membetulkan pegangan dan keyakinan, pembawaan lahiriah manusia dan pembersihan hati dari sifat tercela. Semua itu untuk membentuk keperibadian muslim.

Ilmu Fardu Kifayah ialah ilmu yang diwajibkan kepada masyarakat Islam secara kolektif dan bukan kewajipan terhadap individu, kecuali hanya seorang sahaja yang mengetahui di bidang itu, maka kewajipan itu dengan sendirinya menjadi Fardu 'Ain untuk menyelesaikan masalah masyarakat tersebut. Ilmu Fardhu kifayah yang diwajibkan itu ialah ilmu yang diperlukan untuk kepentingan hidup masyarakat dibidang kebendaan dan lain-lain, bagi keselesaan, kestabilan, keamanan hidup masyarakat seperti ilmu perubatan, matematik, kewangan, pewarisan, ekonomi, pertukangan, perundangan dan sebagainya.⁴⁷

Pada amnya bidang ilmu yang utama mesti diajarkan seperti ilmu agama, ilmu kemanusiaan dan sains. Penguasaan ketiga-tiga bidang ilmu tersebut membolehkan manusia menjayakan matriks perhubungan antara manusia dengan Allah s.w.t. Intitusi

⁴⁷ Abdul Halim El-Muhammady, (1991), *op.cit*, h.4

pendidikan dalam konteks sejarah tamadun Islam mesti membahas tentang prinsip dasar ajaran Islam yang termaktub dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Umar Ibn Al-Khattab r.a yang bermaksud:

Diriwayatkan daripada Umar Ibn al-khattab (r.a), beliau berkata: "Pada suatu hari sedang kami duduk bersama-sama Rasulullah s.a.w. tiba-tiba muncul seorang lelaki berpakaian serba putih dan berambut sangat hitam, tidak ada yang menunjukkan ia telah berjalan jauh, dan tidak ada seorangpun diantara kami yang mengenalinya. Nabi s.a.w. duduk; lelaki itu menghadapkan kedua lututnya kepada kedua lutut baginda dan meletakkan kedua tangannya kepada kedua belah paha baginda sambil berkata: "Wahai Muhammad, beritahulah aku tentang Islam." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Islam adalah bahawa engkau bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad Rasul Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan menunaikan haji jika berkuasa." Maka kami merasa hairan terhadapnya kerana dia yang bertanya dia sendiri pula membenarkannya. Katanya lagi: "Beritahulah aku tentang Iman." Jawab Rasulullah s.a.w: "Bahawa engkau percaya kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, Rasul-rasul-Nya, hari akhirat dan tentang takdir baik dan buruk." Orang itu berkata: "Engkau benar." Kemudian dia berkata lagi: "Beritahulah aku tentang Ihsan." Rasulullah s.a.w menjawab: "Bahawa engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, sekalipun engkau tidak melihat-Nya tetapi Dia melihatmu". Kemudian dia meninggalkan tempat itu sedang saya masih tetap duduk. Kemudian Rasulullah s.a.w berkata: "Wahai Umar! Adakah engkau kenal siapakah orang yang bertanya itu"? Kataku: "Allah dan Rasul-Nyalah yang lebih tahu." Rasulullah s.a.w berkata "Itulah malaikat Jibril. Ia datang untuk mengajar kamu akan agamamu."(Hadis. Sahih. Riwayat: Bukari dan Muslim)

Daripada Hadith di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa inti ajaran Islam terhimpun dalam tiga perkara iaitu:

- i. Rukun Islam: Dua kalimah syahadah, sembahyang fardu lima waktu, puasa, zakat dan haji.
- ii. Rukun Iman: Beriman kepada Allah, malaikat-malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab, hari akhirat dan qada' dan qadar.

- iii. Ihsan: Menyembah Allah seolah-olah kita melihat-Nya, kerana walaupun kita tidak melihatnya tetapi Dia melihat kita.⁴⁸

2.6 JENIS-JENIS PEMBELAJARAN DAN SISTEM PENDIDIKAN

Terdapat tiga jenis pembelajaran; pertama, pembelajaran formal iaitu pembelajaran yang dijalankan oleh institusi seperti sekolah, maktab dan universiti, pembelajaran formal adalah pendidikan yang diterima secara langsung di institusi-institusi tersebut. Kedua, pembelajaran *in-formal* iaitu pembelajaran yang terlaksana secara tidak langsung atau secara tidak sedar. Ketiga, pembelajaran *non-formal* iaitu pembelajaran yang diadakan bagi melengkapkan lagi hasil pembelajaran yang diperolehi melalui sistem formal.⁴⁹

2.6.1 Sistem Pendidikan Islam di Semenanjung Tanah Melayu

Istilah sistem pendidikan bermaksud suatu pola menyeluruh sesuatu masyarakat dalam lembaga-lembaga formal, agen-agen dan organisasi yang memindahkan pengetahuan dan warisan kebudayaan yang mempengaruhi pertumbuhan sosial, spiritual, dan intelektual.⁵⁰

⁴⁸ Hasan Langgulung (1986), *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 43.

⁴⁹ Shahabuddin DKK (2007), *Psikologi Pendidikan*, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 156.

⁵⁰ Hasan Langgulung (1991), *op.cit.*, h. 4.

i. Sistem Belajar di Rumah Guru

Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu lima kurun yang lalu telah merubah corak kebudayaan Melayu, dari corak Hindu kepada Islam. Pengajaran dan semangat Islam meresap dan menggantikan kebudayaan Hindu yang telah lama bertapak di tanah Melayu. Kejayaan orang Melayu menyesuaikan diri dengan agama Islam sehingga menjadi satu gambaran bagi masyarakat Melayu bahawa kebudayaan Melayu itu tersirat pada pandangan hidup yang berdasarkan Islam. Sistem belajar di rumah guru pada peringkat awal anak-anak diajar membaca dan menulis, kemudian setelah anak-anak mampu membaca dan menulis, barulah ibubapa menghantar mereka mengaji al-Quran dengan guru-guru yang berkelayakan dan berkebolehan. Pengajian al-Quran dilakukan di rumah guru itu sendiri.

ii. Sistem Pondok

Sistem pengajian di rumah guru berlanjutan untuk beberapa tempoh sehingga begitu popular sampai tahap di mana bilangan penuntut terlalu ramai dan menimbulkan masalah bagi guru-guru agama kerana rumah beliau tidak dapat menampung penuntut yang bertambah dari semasa ke semasa sehingga timbul idea mendirikan surau-surau yang berdekatan dengan rumah guru.

Dengan adanya pengajian di surau-surau didesak pula dengan peningkatan bilangan penuntut, maka lahirlah idea mendirikan pondok-pondok kecil di sekitar surau bagi memudahkan penuntut-penuntut yang jauh tidak perlu berulang alik ke tempat

pengajian. Oleh itu, bermulalah sejarah sistem pengajian pondok di Semenanjung Tanah Melayu untuk orang ramai mempelajari ilmu agama.

iii. Sistem Madrasah

Pada awal abad ke-20, satu gerakan Işlah diambil dari Timur Tengah. Gerakan Işlah ini adalah diilham oleh dua tokoh Islam yang terkenal iaitu Sayyid Jamaluddin al-Afghāni (1839-1897M) dan Muhammad ‘Abduh (1849-1905M). Penyambung lidah kedua tokoh ini di Semenanjung Tanah Melayu ialah Shaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki.

Pendidikan agama mengalami satu perkembangan yang baru sebaik sahaja idea Işlah mulai meluas di kalangan masyarakat Islam, iaitu dengan kelahiran sistem madrasah, lebih sistematik dan formal dari sistem pondok. Dalam sistem madrasah, matapelajaran Islam tidak tertumpu pada bab ibadah dan tauhid semata-mata tetapi lebih komprehensif lagi dengan memasukkan kurikulum mata pelajaran. Mata pelajaran yang dimasukkan adalah seperti bahasa arab, matematik, geografi dan lain-lain yang boleh menolong pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang sempurna.

Kelahiran sistem madrasah di kalangan masyarakat Islam di Semenanjung Tanah Melayu tidak mematikan dan melemahkan sistem pendidikan pondok malah mereka berganding dalam lapangan pendidikan Islam. Pendidikan pondok banyak menumpukan kegiatan di kampung-kampung dengan tidak mengenakan sebarang syarat kepada pelajar dan sistem madrasah banyak tertumpu di kawasan pekan dengan mengenakan syarat-syarat tertentu kepada murid yang ingin belajar seperti had umur dan sebagainya.

iv. Sistem Sekuler

Setelah merdeka, sekolah agama atau madrasah menghadapi satu cabaran yang belum pernah berlaku dalam sejarah perkembangan di Tanah Melayu iaitu lahirnya dasar pelajaran yang sekuler yang mengakibatkan sistem sekolah agama lumpuh. Dasar ini memberi gambaran yang amat berbeza dengan sistem pembelajaran madrasah iaitu jaminan ekonomi lebih jelas bagi pelajar lulusan sekolah kerajaan, lebih-lebih lagi rakyat menyedari bahawa ekonomi merupakan asas kehidupan manusia sehingga ibubapa mereka memasukkan anak mereka ke sekolah kerajaan. Dengan itu, sekolah agama menjadi lumpuh kerana dua faktor iaitu faktor kekurangan pelajar dan faktor ekonomi. Dengan keadaan inilah kerajaan mengambil kesempatan mengambil alih sekolah agama dan mengubahsuai kurikulum supaya lebih selaras.

Sistem pendidikan sekuler adalah sistem pendidikan pemisahan ilmu agama dan ilmu dunia yang menganggap ilmu dunia lebih terjamin dari segi pekerjaan. Andaian ini timbul dari pemahaman barat yang telah lama memisahkan agama dengan ilmu, bahkan mereka menganggap menyebut nama tuhan sahaja suatu kesalahan. Hal ini membawa pengaruh bagi mereka yang tidak memahami tentang Islam sedangkan ilmu Islam itu adalah ilmu pengetahuan.⁵¹

Meskipun yang dijelaskan di atas adalah sistem pendidikan di Malaysia tetapi hal ini tidak terkecuali juga berlaku di Indonesia. Sekolah agama atau pondok masih banyak yang bertahan sampai saat ini. Bagi sekolah agama atau pondok yang pada awalnya mempertahankan sistem pondok berfikir cara menghargai orang yang mendirikan

⁵¹ Sobri Salamon dan Harondin (1987), *op.cit.*, h. 16.

pondok tersebut. Jika diserahkan kepada kerajaan, maka dibimbangi sejarah pengasasnya serta sistem pendidikan pembelajaran pondok akan hilang seiring pertukaran semua sistem pendidikan oleh kerajaan. Pengetua besar pondok berpendapat sistem pondok tetap dipertahankan walau banyak cabaran seperti faktor kekurangan pelajar dan faktor ekonomi kerana sistem pondok merupakan tempat bagi penuntut yang ingin mempelajari dan mendalami ilmu agama.

2.7 PANDANGAN TENTANG KONSEP MINAT

Pada masa kini, tidak ada kajian khas mengenai minat tentang pelaksanaan pendidikan Islam melainkan penjelasan minat secara menyeluruh dan umum, yang menunjukkan bahawa minat murid-murid terhadap suatu kurikulum banyak mempengaruhi kurikulum itu.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, minat memainkan peranan penting.

Minat itu merujuk kepada:

“... to prefer to engage in some types of activities rather than others. An interest maybe regarded as a highly specific type of attitude when we are interested in a particular phenomenon or activity, we are favorably in line to attend to it and give time to it”.⁵²

Ini bermakna, seorang yang menunjukkan minat terhadap sesuatu akan menunjukkan perasaan positif terhadapnya. Minat adalah penting untuk mencapai prestasi kerana dengan adanya minat terhadap subjek tertentu ingatan pelajar lebih baik dan penahanan maklumat yang lama. Perkara yang kurang diminati lebih mudah dilupakan. Pelajar biasanya menunjukkan prestasi yang tinggi dalam subjek yang

⁵² Paul L. Gardner & Pinehas Tamir (1984), Interest in Biology: A Multidimensional Construct. *Journal of Research in Science Teaching*, 26 (5): 409-423.

mereka minati kerana mereka dapat mengingati faktanya dengan lebih baik dan penahanan maklumat tentang fakta itu juga lebih lama.⁵³

2.8 METODOLOGI PENDIDIKAN ISLAM

Metodologi adalah cara atau jalan untuk menuju sesuatu, membincangkan tentang cara-cara atau metode-metode yang digunakan oleh manusia untuk mencapai dan mengetahui pengetahuan tentang realiti atau kebenaran, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.⁵⁴

2.8.1 Perbezaan antara Pendekatan, Kaedah, dan Teknik

Pendekatan, kaedah dan teknik kerap menjadi perbincangan. Suatu pendekatan itu wujud berasaskan kepada tanggapan yang berhubung dengan falsafah Islam dan pengajaran Islam itu sendiri. Ia menghurai sifat matapelajaran dan juga menyatakan sesuatu pendapat, falsafah dan pengajaran yang kita percayai tetapi tidak boleh dibuktikan secara mutlak.

Kaedah pula merupakan satu perancangan secara sistematik yang menyeluruh untuk menyampaikan bahan pengajaran. Ia merupakan suatu prosedur melakukan sesuatu berasaskan tanggapan-tanggapan asas yang dibina melalui pendekatan. Dengan itu, sesuatu pendekatan mempunyai banyak atau beberapa kaedah. Pelbagai faktor mempengaruhi persembahan bahan pembelajaran Islam secara sistematik kepada pelajar seperti latar belakang pelajar samada bandar atau luar bandar, umur, latar belakang

⁵³ Shahabuddin DKK (2007), *op.cit.*, h. 174.

⁵⁴ Hasan Langgulung (1991), *op.cit.*, h. 373.

ibubapa dan seumpamanya. Oleh itu, pelbagai kaedah harus diwujudkan untuk memenuhi keperluan golongan pelajar itu.

Teknik pula adalah apa yang dilihat di dalam bilik darjah. Keberkesanan suatu teknik harus dilihat dalam konteksnya dengan kaedah yang digunakan. Di sini, pemilihan teknik mestilah sesuai dengan kaedah yang dipilih dan kaedah berlandaskan sesuatu pendekatan. Pada akhirnya keberkesanan suatu teknik yang digunakan itu bergantung pada asas pengkaedahan dan pendekatan yang kukuh, mantap dan boleh dipercayai.⁵⁵

Kaedah sebenarnya bermaksud jalan untuk mencapai tujuan. Oleh itu, jalan itu bermacam-macam, begitu juga dengan kaedah, tidak ada kaedah yang terbaik untuk segala mata pelajaran. Mungkin ada kaedah terbaik bagi matapelajaran tertentu untuk guru tertentu. Pembelajaran agama itu sendiri bukan satu cara sahaja. Ada cara pembelajaran menggunakan kognitif seperti fakta sejarah, syarat sah solat, zakat, puasa, haji. Fakta ini tidak berubah. Kaedah yang digunakan adalah kaedah seperti dalam mengajar fakta-fakta yang lain dalam ilmu-ilmu yang lain.⁵⁶

Kita mengetahui bahawa pendidikan itu penting. Kita juga maklum dan penuh kesedaran tentang kandungan ilmu yang hendak disampaikan. Walaupun demikian, sekiranya guru tidak mengetahui kaedah penyampaian atau kurang kemahiran dari segi teknik penyampaian, maka pendidikan kurang berkesan.

⁵⁵ Azman Wan Cik (1987), *Kaedah Hayati Amali*, Kuala Lumpur: Karya Bakti, h. 3.

⁵⁶ Hasan Langgulung (1981). *op.cit.*, h. 169.

Kaedah adalah suatu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran dalam masa pendek. Ia agak berbeza dengan teknik kerana teknik merujuk kepada kemahiran guru dalam mengaplikasikan sesuatu kaedah tertentu. Kita perlu tahu bahawa tidak semua kaedah sesuai untuk semua matapelajaran, mungkin ada satu kaedah terbaik untuk satu mata pelajaran dan oleh guru tertentu.⁵⁷

2.8.2 Kaedah Pendidikan Islam

Terdapat banyak kaedah atau metode-metode yang digunakan dalam pendidikan Islam.

Antaranya:

i. Kaedah Nasihat

Al-Quran banyak menceritakan sifat nasihat menasihati dan ingat memperingati kerana manusia itu bersifat pelupa. Sifat ini mesti ada pada seorang guru kerana di samping menyampaikan ilmu mereka juga mendidik, menasihati dan mengingatkan.

ii. Kaedah Peringatan

Lupa adalah sifat yang ada pada manusia. Tidak sedikit masyarakat yang tergodanya dengan hawa nafsu sehingga mereka sengaja melupakan atau menyetepikan nasihat yang telah disampaikan sehingga seseorang guru mengambil satu atau dua minit untuk memberi peringatan di akhir pengajarannya.

⁵⁷ Mohd Yusuf Ahmad (2000), *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 77.

iii. Kaedah Penceritaan

Kaedah ini adalah kaedah termasyhur di kalangan pendidik khasnya bagi murid-murid Sekolah Rendah (SR) bagi menarik minat dan perhatian murid-murid dengan merumuskan kisah-kisah dengan bahasa yang mudah dan ringkas yang boleh memberi kesan yang mendalam. Merujuk kepada prinsip pembelajaran dalam buku psikologi pendidikan bahawa ramai pelajar menyukai guru yang boleh berjenaka. Mereka akan menanti kedatangan guru itu dan memberikan perhatian kepadanya. Sekiranya tidak boleh berjenaka mereka menjadikan pembelajaran lebih seronok dengan bercerita dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh menjadikan suasana pembelajaran menyeronokkan.⁵⁸

iv. Kaedah Soal Jawab

Kaedah soal jawab merupakan soal jawab antara guru dengan murid samada guru bertanya murid atau sebaliknya. Di dalam keadah soal jawab, guru harus memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya bagi memantapkan pemahaman dan menghilangkan keraguan.

v. Kaedah Perbandingan

Kaedah perbandingan bermaksud memberi hadiah atau hukuman kepada murid dengan apa yang mereka lakukan.

⁵⁸ Shahabuddin DKK (2007), *op.cit.*, h. 155.

vi. Kaedah Teladan

Walaupun tidak ada teori yang menyatakan teladan itu kaedah pendidikan, tetapi ada slogan yang menyatakan guru sebagai contoh. Dalam Islam kaedah ini sangat diutamakan kerana lebih berkesan dan guru merupakan ikutan sebab itu guru mesti menjadi contoh yang baik.

Pendidikan melalui teladan ini adalah salah satu teknik pendidikan yang efektif dan berjaya. Hal ini memerlukan ketelitian, keberanian, dan pendekatan yang menyeluruh. Jika tidak, semua metodologi yang ada tidak akan memberi kesan kecuali dengan menterjemahkan dengan tingkah laku, ungkapan dan fikiran. Metodologi yang ada mesti dilakukan oleh seseorang yang menjadi contoh teladan agar manusia mengetahui metodologi itu benar dan mengikutinya.

Allah mengutus Nabi Muhammad s.a.w untuk menjadi teladan buat manusia. Islam menjadikan keperibadian rasulnya sebagai contoh teladan bagi setiap generasi. Aisyah r.a pernah ditanya tentang peribadi Rasulullah s.a.w. Beliau menjawab:

كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ

Maksudnya: *Peribadi Rasulullah adalah al-Quran.*

Allah s.w.t berfirman:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya: *Dalam diri Rasulullah itu kamu boleh menemukan teladan yang baik*

Surah al-Ahzāb (33): 21

vii. Kaedah Amar Ma'ruf Nahi Mungkar.

Kaedah ini hampir sama dengan kaedah nasihat dan peringatan yang dibincangkan sebelum ini. Kaedah ini diutarakan kerana seorang guru juga merupakan seorang Da'i iaitu penyeru ke arah kebaikan.⁵⁹

viii. Kaedah Syarahan

Dalam kaedah ini, guru lebih banyak melibatkan diri dalam memberi huraian, penjelasan serta penerangan kepada pelajar.

ix. Kaedah Hafalan

Kaedah menghafal sudah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w semenjak beliau menerima wahyu pertama di Gua Hira.

x. Kaedah Teladan Perbincangan

Rasulullah s.a.w juga menggunakan kaedah perbincangan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, kefahaman dan pendidikan. Allah s.w.t. mengajar rasul-Nya bermusyawarah dan berbincang dengan para sahabatnya bagi memutuskan sesuatu perkara kerana mengambil keputusan suatu perkara dengan kaedah itu adalah lebih sempurna dan kukuh.

⁵⁹ Mohd Yusuf Ahmad (2000), *op.cit.*, h. 80.

xi. Kaedah Perdebatan

Kaedah ini biasa digunakan oleh ulama silam terutama dalam mengistinbat hukum di samping menggunakan kaedah soal jawab dan perbincangan. Selain itu juga, kaedah ini melatih pelajar fasih berbicara.

xii. Kaedah Pengembaraan (rihlah)

Kaedah ini sangat berkesan terutama dalam pembelajaran hadith, sejarah, bahasa dan kesusasteraan. Dengan kaedah ini, pelajar berpeluang bebas memilih intitusi dan ilmuan. Mereka berpeluang mendapatkan ilmu lebih terperinci dan berkesan.

xiii. Kaedah Halaqah

Kebiasaannya para pelajar duduk dengan mengelilingi guru dalam bentuk bulatan atau untuk mendengar syarahan.

xiv. Kaedah Menggunakan Kebiasaan

Islam menggunakan kebiasaan itu sebagai salah satu teknik pendidikan. Lalu ia mengubah seluruh sifat-sifat baik menjadi kebiasaan, sehingga jiwa dapat menunaikan kebiasaan itu tanpa terlalu sukar dan tanpa kehilangan banyak tenaga.

xv. Kaedah Melalui Peristiwa-peristiwa

Hidup ini adalah perjuangan dan merupakan pengalaman-pengalaman dengan pelbagai peristiwa, baik yang timbul kerana tindakannya sendiri mahupun kerana sebab-sebab di luar kemahuannya. Guru yang baik tidak akan membiarkan peristiwa-peristiwa itu berlalu begitu sahaja tanpa diambil ikhtibar menjadi pengalaman yang berharga.⁶⁰

2.9 MASALAH DALAM PENDIDIKAN

Masalah-masalah yang lazim dihadapi oleh kebanyakan pelajar dapat dikelompokkan sebagaimana berikut: memahami kuliah, memahami buku teks, membuat latihan, menghadapi kuliah, menjalankan makmal, menghadiri dan memanfaatkan kelas-kelas tutorial, menjawab soalan peperiksaan dengan baik dan menjalankan penyelidikan.

Masalah-masalah di atas boleh disebabkan salah satu atau kombinasi daripada punca masalah sebagaimana berikut: pelajar sendiri, pensyarah /tutor dan pentadbiran.⁶¹

Masalah-masalah pokok yang dihadapi oleh pendidikan ialah:-

- i. memasukkan dasar dan tujuan pendidikan
- ii. menyusun kokurikulum pendidikan
- iii. menguruskan metode pendidikan
- iv. menyedarkan pensyarah yang mampu
- v. menyediakan perpustakaan (literature)⁶²

⁶⁰ Muhammad Qutb (1984), *Sistem Pendidikan Islam*, Bandung: PT al-Ma'arif, h. 324.

⁶¹ Mohammad Yusuf Othman (1993), *Modul Pembinaan Budaya Ilmu*, Petaling Jaya, Selangor: Qi Consultans Sdn, Bhd., h. 155.

⁶² Sidi Gazalba (1970), *Pendidikan Umat Islam: Masalah Terbesar Kurun Kini Menentukan Nasib Umat*, Jakarta: Bratara, h. 160.

2.10 TUJUAN PENDIDIKAN ISLAM

2.10.1 Tujuan Pendidikan di Indonesia

Dalam pendidikan, faktor tujuan adalah amat menentukan corak dan pola pendidikan suatu bangsa. Tujuan pendidikan suatu bangsa adalah didasarkan kepada cita-cita dan falfapah suatu bangsa itu sendiri. Tujuan pendidikan antara suatu bangsa dengan bangsa lain adalah berbeza. Tujuan pendidikan di Indonesia sebagaimana disebut dalam undang-undang pokok pendidikan no. 4, tahun 1950, undang-undang no. 12 tahun 1954, fasal 3 berbunyi: *“tujuan pendidikan dan pengajaran ialah membentuk manusia susila yang cekap dan warganegara yang demokratis serta bertanggung jawab tentang kesejahteraan masyarakat dan tanah air”*.⁶³

2.10.2 Tuntutan Pendidikan al-Quran

Tuntutan utama al-Quran terhadap manusia adalah menuntut ilmu, dan ilmu yang pertama perlu dipelajari adalah tentang ketuhanan iaitu mengenal Allah kemudian ilmu tentang kejadian manusia seterusnya ilmu yang lain. Tuntutan pendidikan al-Quran secara ringkasnya adalah:

- i. Menenal Allah
- ii. Ilmu mengenal manusia dan kemanusiaan
- iii. Ilmu tanggungjawab
- iv. Ilmu untuk melaksanakan perintah Allah
- v. Menyebarkan agama

⁶³ Abdul Halim Mad Diah (1989), *op.cit.*, h. 49.

- vi. Falsafah pendidikan al-Quran
- vii. Pendidikan yang syumul.⁶⁴

2.10.3 Tujuan Pendidikan Islam

Tujuan pendidikan menjalankan fungsi yang semuanya bersifat normatif. Pertama, untuk menentukan haluan bagi proses pendidikan, iaitu ke manakah ditujukan usaha manusia untuk mendidik generasi muda, atau apakah corak manusia yang akan di hasilkan melalui pendidikan itu. Kedua, untuk merangsang dan mendorong seseorang supaya berkerja dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai nilai-nilai murni dalam kehidupan. Ketiga, untuk menjadi kriteria dalam menilai proses-proses pendidikan, iaitu menilai pencapaian pendidikan itu sama ada berjaya atau sebaliknya.

Tujuan sebagai alat untuk menentukan haluan pendidikan dapat dilihat dalam tiga peringkat iaitu tujuan khas, tujuan am dan tujuan akhir. Jika dilanjutkan lagi, maka ia akan berkaitan dengan tujuan hidup manusia iaitu berbakti kepada Allah s.w.t dan mencari kesempurnaan diri yang dipanggil tujuan terakhir pendidikan.

i. Tujuan Akhir Pendidikan Islam

Tujuan akhir pendidikan Islam tidak diatasi oleh tujuan am dan tujuan khas. Tujuan akhir bersifat umum dan tidak terperinci. Pelaksanaan tujuan akhir tidak terhad pada intitusi-istitusi khas seperti sekolah, pondok dan masjid. Tujuan akhir pendidikan Islam ialah perwujudan diri (sempurnakan diri). Tujuan perwujudan diri dalam

⁶⁴ Mohd Yusuf Ahmad (2000), *op.cit.*, h. 102.

pendidikan Islam ialah perkembangan menyeluruh personaliti manusia dalam aspek-aspek rohaniah, psikologi, intelektual dan jasmaniah. Tujuan akhir yang paling mencerminkan ciri pendidikan Islam ialah persiapan untuk kehidupan dunia dan akhirat iaitu usaha menyeimbangkan di antara kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat.

ii. Tujuan Am Pendidikan Islam

Al-Abrasyi dalam kajiannya telah membuat lima kesimpulan tujuan pendidikan Islam, iaitu:

- a. Untuk membentuk ahklak yang mulia.
- b. Persiapan untuk kehidupan di dunia dan kehidupan akhirat.
- c. Persiapan untuk mencari rezeki dan pemeliharaan manfaat atau lebih dikenali sekarang ini dengan nama tujuan bidang vokasional dan profesional.
- d. Menumbuhkan semangat ilmiah dan rasa ingin tahu pada pelajar yang memungkinkan ia mengkaji ilmu demi ilmu itu sendiri.
- e. Memperlengkap pengetahuan para pelajar dalam bidang-bidang profesional, teknikal dan pertukangan di samping memelihara aspek-aspek kerohanian dan keagamaan.

Nahlawy merumuskan empat tujuan am dalam pendidikan Islam iaitu pendidikan akal dan persiapan fikiran, mengembangkan potensi dan bakat semula jadi pada kanak-kanak, memberi perhatian pada kekuatan dan potensi generasi muda dan mendidik mereka sebaik-baiknya, berusaha untuk menyeimbangkan segala potensi dan bakat manusia.

Al-Jammali menyenaraikan tujuan pendidikan dengan berdasarkan kandungan al-Quran seperti berikut:

- a. Memperkenalkan kepada manusia akan kedudukannya di antara sekalian makhluk dan tanggungjawab individu dalam kehidupan ini.
- b. Memperkenalkan kepada manusia akan hubungan sosialnya dan tanggungjawabnya dalam rangka sistem sosial.
- c. Memperkenalkan kepada manusia akan makhluk dan mengajak memahami hikmah penciptaannya.
- d. Memperkenalkan kepada manusia pencipta alam jagat ini.

iii. Tujuan Khas Pendidikan Islam.

Maksud tujuan khas ialah perubahan yang diinginkan yang merupakan bahagian yang termasuk di bawah setiap tujuan am pendidikan. Dengan kata lain, gabungan pengetahuan, kemahiran pola-pola tingkah laku, sikap, nilai-nilai, dan kebiasaan yang terkandung dalam tujuan akhir dan tujuan am pendidikan tidak akan terlaksana jika tujuan khas tidak dilaksanakan dengan sempurna terlebih dahulu.

Di antara tujuan khas yang mungkin dimasukkan di bawah tujuan am untuk menimbulkan semangat beragama dan berakhlak ialah:

- a. Memperkenalkan akidah Islam dan dasarnya, asal-usul hukum dan ibadah serta cara pelaksanaannya yang betul kepada generasi muda dengan

membiasakan mereka berhati-hati mematuhi aqidah Islam dan menegakkan syiar agama serta menghormatinya.

- b. Menimbulkan kesadaran yang betul kepada diri pelajar terhadap agama termasuklah prinsip dan dasar ahlak yang mulia.
- c. Menanamkan keimanan kepada Allah pencipta alam, kepada para malaikat' rasul-rasul, kitab-kitab dan hari akhirat berdasarkan pemahaman, kesadaran dan keikhlasan sendiri.
- d. Menimbulkan minat generasi muda untuk menambah pengetahuan dan adab kesopanan, serta melaksanakan hukum-hukum agama dengan rela.
- e. Menanamkan rasa cinta dan menghargai al-quran dengan membacanya dengan baik, memahaminya dan mengamalkan ajarannya.
- f. Menanamkan kesadaran terhadap sejarah, merasa bangga dengan kebudayaan Islam dan pahlawan-pahlawannya serta mencotohi keperibadian mereka.
- g. Melahirkan sikap rela, optimisme, percaya pada diri-sendiri, bertanggung jawab, menghargai kewajiban, tolong-menolong berdasarkan kebaikan dan bertakwa, kasih sayang, cinta akan kebaikan, sabar, berjuang untuk kebaikan, berpegang teguh pada prinsip, berkorban untuk agama dan tanah air.
- h. Mendidik naluri, motivasi dan keinginan generasi muda serta menguatkannya dengan akidah dan nilai-nilai murni.
- i. Menanamkan keimanan yang kuat kepada Allah serta rasa keagamaan serta akhlak yang mulia pada diri mereka.

- j. Membersihkan hati mereka daripada sifat-sifat yang buruk, seperti hasad dengki, benci, bersikap kasar, zalim, sombong, menipu, khianat, perpecahan dan perselisihan.

Ibnu khaldun membahagikan tujuan pendidikan itu kepada:

- a. Mempersiapkan seseorang daripada segi keagamaan iaitu mengajarnya syiar-syiar agama menerusi al-Quran dan al-Sunnah.
- b. Memperlengkap akhlak manusia
- c. Memperlengkap sosial manusia
- d. Memperlengkapkan seseorang dengan asas kemahiran vokasional atau pekerjaan
- e. Mempertingkatkan daya pemikiran seseorang kerana dengan pemikiran seseorang itu dapat berbuat pelbagai pekerjaan.
- f. Membekalkan seseorang dengan kemahiran kesenian termasuklah muzik, syair, khat, senibina dan lain-lain.⁶⁵

Menurut pendapat Dr. Abdul Halim Hj Mad Diah dalam bukunya “Islam dan Demokrasi Pendidikan” mengemukakan bahawa: ungkapan yang paling baik dan lengkap tentang tujuan pendidikan Islam adalah membentuk keperibadian muslim.” Dalam kata-kata “keperibadian dan muslim” akan tercakuplah keperibadian yang utama, keperibadian yang menyerahkan dirinya kepada Allah dengan beribadah kepadanya dan berusaha mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat.⁶⁶ Tujuan dan matlamat

⁶⁵ Hasah Langgulung (1986), *op.cit.*, h. 1.

⁶⁶ Abdul Halim Mad Diah (1989), *op.cit.*, h. 58.

pendidikan Islam adalah untuk membentuk akhlak yang mulia dan membimbing manusia supaya mampu melaksanakan tanggungjawab yang penting iaitu melaksanakan tugas sebagai khalifah di muka bumi mengikut syariat ilahi.⁶⁷

Zamawi Hj Ahmad dalam bukunya “pendidikan Islam teknik dan pengajaran Islam” menjelaskan bahawa matlamat pendidikan Islam diasaskan di atas keyakinan terhadap wujudnya Allah. Dari asas inilah ditentukan pula matlamat yang lainnya seperti:

- a. Memperkenalkan sifat-sifat manusia.
- b. Memperkenalkan tugas dan tanggungjawab manusia.
- c. Menyusun struktur masyarakat.
- d. Membentuk akhlak mulia di kalangan manusia.
- e. Menjaga kepentingan agama dan kehidupan.
- f. Memberikan pendidikan jasmani dan rohani.⁶⁸

Sesungguhnya matlamat pendidikan rabbani, bersumberkan al-Quran dan sunnah Rasul yang sesuai dengan fitrah manusia lebih mengimbangkan kemajuan, pembangunan rohaniah dan jasmaniah sama ada bagi individu mahupun masyarakat untuk mencapai kebahagiaan di dunia hakiki mahupun di akhirat. Rasulullah s.a.w menggariskan tujuan pendidikan Islam dalam kata ringkas tetapi mempunyai pengertian yang luas dan mendalam iaitu “*agama itu ialah mu’amalat*”. Maksudnya, agama adalah

⁶⁷ Zawawi Ahmad (1996), *Sains dalam Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 77.

⁶⁸ Zawawi Ahmad (1984), *Pendidikan Islam: Kaedah dan Teknik Pengajaran*, Selangor: Eskob Sdn. Bhd., h. 8.

suatu acuan pembentuk yang bersifat komprehensif dan universal yang berperan utama bagi membentuk perwatakan dan tingkah laku serta akhlak individu yang sering berinteraksi bagi menyesuaikan diri dengan orang ramai supaya sebuah masyarakat yang sempurna dan diredhai oleh Allah dapat dibentuk.⁶⁹

Para ahli dalam pendidikan Islam sepakat bahawa tujuan pendidikan Islam bukan memenuhi keperluan otak anak-anak yang dididik dengan segala macam ilmu yang belum mereka temui, tetapi tujuannya ialah mendidik akhlak dan jiwa, menanam rasa keutamaan, membiasakan mereka dengan kesopanan yang tinggi, mempersiapkan mereka suatu kehidupan yang suci, ikhlas dan jujur. Untuk mencapai tujuan pendidikan akhlak dan jiwa, semua matapelajaran harus mengandungi pelajaran akhlak, setiap pendidik haruslah memikirkan akhlak sebelum yang lain. Akhlak adalah tiang asas bagi pendidikan Islam.⁷⁰

2.11 KESIMPULAN

Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa kabupaten Kerinci, provinsi Jambi terletak di kawasan yang strategis. Kawasan provinsi Jambi merupakan kawasan tempat pelabuhan perdagangan dan tempat pelancongan serta mempunyai hasil alam semula jadi. Pemerintahan di provinsi Jambi banyak memberi pengaruh terhadap pemerintahan di Kerinci dan pengaruh agama dan adat dari Minangkabau iaitu Sumatera Barat.

⁶⁹ Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam (Dinamika Guru)*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 13.

⁷⁰ Sobri Salamon & Haron Din (1987), *op.cit.*, h. 6.

Secara ringkas, tujuan dari pelaksanaan pendidikan Islam mencakup tiga perkara iaitu; pertama, menuntut ilmu iaitu belajar apa yang terkandung dalam al-Quran dan sunnah. Kedua, tanggung jawab iaitu melaksanakan perintah dan menjauhi larangannya. Ketiga, menyebarkan ajaran yang telah dipelajari iaitu mengajarkan ilmu kepada orang lain.

Matlamat pendidikan Islam ialah membentuk akhlak mulia, bertanggungjawab sesuai syariat ilahi, menginbangi kehidupan dunia dan akhirat dan membentuk masyarakat yang selaras kehendak Allah s.w.t.